

KEPERLUAN PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN MANDIRI DALAM KALANGAN WANITA ISLAM SVAY KHEANG, KEMBOJA

Zaharah Binti Mustaffa
Siti Suhaila Binti Ihwani
Mohd Hambali Bin Rashid

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kaum wanita Kemboja sangat aktif dalam aktiviti ekonomi harian mereka. Namun faktor kekurangan pengetahuan dan pendidikan menyebabkan aktiviti ekonomi mereka kurang berkembang dan berdaya saing. Penulisan ini adalah berkaitan pengetahuan dan minat dalam kalangan wanita Islam Svay Khleang, Kemboja terhadap keusahawanan mandiri dan seterusnya mengenalpasti potensi atau peluang yang ada untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang keusahawanan mandiri. Secara spesifiknya, kajian ini akan ditumpukan kepada kaum wanita Islam Svay Khleang, Kemboja yang terpilih sahaja. Kaedah yang akan digunakan di dalam kajian ini adalah secara pendekatan kualitatif dan kuantitatif melalui kajian perpustakaan, survey dan observasi. Secara amnya, kajian mendapati wanita Islam Svay Khleang, Kemboja telah bergerak aktif dalam bidang keusahawanan mandiri sejak sekian lama walaupun tanpa penguasaan ilmu pengetahuan dan pendidikan yang sempurna. Justeru, keperluan pendidikan keusahawanan sangat wajar diutamakan demi pembangunan sosio ekonomi dan kelangsungan kehidupan mereka ke arah yang lebih berdaya saing

kata kunci: Pendidikan Keusahawanan, Keusahawanan Mandiri, sosio ekonomi.

1.0 PENDAHULUAN

Bidang keusahawanan merupakan landasan utama kepada pembangunan ummah dan negara. Negara-negara maju meletakkan bidang keusahawanan sebagai aset utama kepada pembangunan ekonomi negara. Masyarakat yang menceburkan diri dalam bidang keusahawanan pula dilihat sebagai masyarakat yang mempunyai prinsip hidup yang berwawasan dan bermatlamat. Sementara pendidikan pula adalah suatu proses usaha manusia untuk membina keperibadian bersesuaian dengan nilai-nilai yang terdapat dalam budaya kehidupan sesebuah masyarakat. Justeru, aspek pendidikan amat diperlukan untuk mengisi segala tuntutan keperluan dan menangani segala permasalahan yang dihadapi oleh umat manusia. Dunia keusahawanan bukanlah satu bidang yang asing bagi kaum wanita. Malah usahawan terkenal, Sayyidatana

Khadijah telah terlibat dengan perniagaan sehingga ke peringkat antarabangsa dan merupakan contoh usahawan wanita terbaik bagi kaum wanita Islam yang berminat dalam bidang keusahawanan. Benarlah pepatah Melayu yang mengatakan bahawa tangan yang menghayun buaian itu sebenarnya berupaya menggegarkan dunia.

Di Kemboja, permasalahan pendidikan sangat berkait rapat dengan aspek ekonomi dan kesempitan hidup mereka. Meskipun struktur muka bumi kemboja sangat berpotensi menghasilkan hasil pertanian yang banyak seperti pisang, keladi, keledik, ubi dan lain-lain lagi, namun oleh kerana kekurangan ilmu pengetahuan dan pendidikan yang tidak sempurna menjadikan mereka tidak berupaya membangunkan sumber yang sedia ada untuk meningkatkan taraf sosio ekonomi mereka. Justeru, kertas kerja ini akan memfokuskan perbincangan mengenai keperluan pendidikan keusahawanan mandiri terhadap kaum wanita Islam Svay Khleang, Kemboja ke arah pembangunan ekonomi dan kelangsungan hidup yang lebih berdaya maju berdasarkan pemerhatian awal penulis yang telah dijalankan sebelum ini.

2.0 SOROTAN KAJIAN

Kemboja adalah merupakan antara negara yang termiskin di dunia. Hampir 74 % dari penduduknya bergantung hidup pada bidang pertanian. Berdasarkan Human Development Report (2002), Human Development Index [HDI] bagi negara Kemboja ialah 0.543, yang meletakkan kemboja di tempat ke 130 daripada 173 buah negara di dunia. Meskipun terdapat perubahan dalam aspek perkembangan ekonomi sehingga menjadikan Kemboja dari status *low human development* kepada *medium human development*, namun kadar kemiskinan di kalangan penduduk Kemboja keseluruhannya masih terlalu tinggi. Malah 36% dari penduduknya hidup di bawah paras kemiskinan dengan pendapatan di antara US\$0.46 ke US\$0.63 sehari. Lebih dari 70% penduduk Kemboja bekerja di sektor pertanian dan hampir 79% daripada petani yang hidup di bawah paras kemiskinan. Peratus penduduk yang bekerja dengan pekerjaan bergaji hanya 15% dengan purata gaji bulanan US\$43 sebulan [Jamil Osman & Nik Asri, 2005]. Sementara menurut Safir [2017], rata-rata gaji guru yang berkhidmat di Sekolah Rendah Musa-Asiah [SERPAMA], di Svay Khleang misalnya, adalah di antara US\$100 - US\$150 sahaja.

Masyarakat Melayu Campa mengalami sejarah yang panjang. Masyarakat Cam merupakan masyarakat dari Kerajaan Campa yang mendiami pesisir pantai laut China Selatan dan dataran tinggi rata di sebelah barat iaitu merangkumi sebahagian besar Negara Vietnam. Sebahagian besar masyarakat ini menganuti agama islam dan dianggarkan setengah juta masyarakat cam menetap di Kemboja. [Adi Taha & Po Pharma, 1998]. Orang Islam di Kemboja biasa dikenali secara rasmi sebagai orang Khmer Islam oleh pemerintah. Manakala orang awam Kemboja biasa memanggil mereka orang Cam-Chvea, iaitu orang Cam-Jawa sebagai Cham-Melayu. Orang Cam adalah keturunan pelarian Cam dari Kerajaan Campa yang satu ketika dahulu merupakan sebuah kerajaan Melayu tertua. Lokasi Kerajaan Campa terletak di bahagian tengah Vietnam sekarang. Kewujudannya telah disahkan di antara abad ke 2 dan 18 Masihi. Orang Melayu di Kemboja pula adalah keturunan mubaligh Islam dan pedagang dari Nusantara

termasuk Semenanjung Tanah Melayu. Pada tahun 1607 Raja Campa pertama menganut Islam dan raja Campa Islam terakhir adalah Po Chien atau Raja Ibrahim. [Musa M.Z,1991].

Dikatakan penduduk Islam paling ramai di Kemboja ialah di kalangan Melayu Champa atau Cham, iaitu sekitar ke 95%. Negeri Kampung Cham adalah antara kawasan terbesar bilangan penduduk Muslim iaitu sebanyak 35% semenjak tahun 1975 dan 30,000 orang Islam boleh didapati di sekitar Phnom Penh. Selain itu kampung yang majoriti penduduk Islamnya ialah seperti Kampung Cheram Chemerai dan Kampung Pok Bahau berhampiran dengan bandar Phnom Penh, Kampung Pok Serah, Pok „An dan Pok Cerah [Musa M.Z,1991].

Selepas kejatuhan Rajim Pol Pot tahun 1979, kehidupan umat Islam kemboja sangat dha"if, namun mereka gigih berusaha untuk meneruskan kehidupan sampai ke hari ini dengan sedaya upayanya. Umumnya masyarakat Cam kebanyakannya bekerja sebagai petani dan nelayan. Hanya sebilangan kecil sahaja yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan di Phnom Penh. Malah masyarakat Cam merupakan golongan minoriti dan termiskin yang paling ramai kerana tidak mendapat pendidikan akademik. Hanya segelintir sahaja yang berpeluang mendapat pendidikan tinggi. Keadaan yang menghimpit itu telah mendorong sebahagian anak-anak muda Melayu Kemboja berhijrah ke Malaysia dan beberapa negara lain yang memberi peluang pekerjaan yang lebih baik. Hal ini ditambah lagi apabila barangan keperluan asas seperti minyak petrol, minyak masak, gula, susu pekat dan ikan amat mahal jika dibandingkan dengan pendapatan yang mereka perolehi. Adalah dianggarkan 60000 orang masyarakat Cam yang telah menetap di Malaysia. Kedudukan ekonom mereka lebih baik dan tidak ramai daripada mereka yang dikategorikan sebagai golongan termiskin di Malaysia. Ini adalah kerana orang Cam sebenarnya adalah masyarakat yang rajin bekerja dan mempunyai banyak pengalaman dalam menghadapi kesusahan dan kesengsaraan akibat penjajahan. Daya ketahanan dan budaya berniaga telah menjadi darah daging dalam kehidupan mereka [Musa M.Z, 2001].

Pada sekitar tahun 1990-an dan 2000-an, kajian penyelidikan berkaitan usahawan wanita semakin mendapat perhatian para penyelidik. Tumpuan terhadap penyelidikan ini lebih banyak menjurus kepada faktor pendorong wanita menceburi bidang keusahawanan [Muriel & Don, 2001; Still & Timms, 2003; Gerry et.al., 2005], faktor yang mempengaruhi kejayaan [Teo, 1996; Zimmer & Sacrborough, 1998; Suaibah et.al., 2005], masalah yang dihadapi [Jones, 1990; Lang & Sieh, 1994; Mohamad, 1996], penggunaan IT dalam perniagaan [Garca et.al., 1998; Nelson et.al., 2005], personaliti usahawan [Hannu, 2000], konflik kerjaya dan keluarga [Parasuraman & Simmers, 2001], strategi pembangunan [Gundry & Welsch, 2001], halangan kejayaan [Clare, 2005] dan lain-lain.

Ternyata wanita mempunyai kelebihan yang tersendiri dalam dunia perniagaan jika dibandingkan dengan kaum lelaki. Wanita selalunya lebih bersedia menghadapi ragam pelanggan dan tekun menguruskan perniagaan. Sementara kaum wanita di Svay Khleang, Kemboja sangat aktif terlibat dengan aktiviti perniagaan terutamanya di pasar, gerai jualan di tepi-tepi jalan atau di hadapan rumah kediaman. Malah hampir keseluruhan peniaga di pasar adalah dimonopoli oleh kaum wanita. Sifat peramah dan suka berbicara adalah antara faktor kaum wanita memonopoli aktiviti perniagaan pasar [Rakeemah, 2017] Namun, kebanyakan mereka

sekadar meneruskan tradisi mencari sumber rezeki yang diwarisi demi meneruskan kelangsungan kehidupan tanpa mendapat latihan dan pendidikan keusahawanan secara formal.

Keterlibatan kaum wanita dalam bidang keusahawanan di lihat sebagai sesuatu yang positif terhadap perkembangan ekonomi negara. Kini, di seluruh dunia menyaksikan ramai usahawan wanita telah dinobatkan menjadi jutawan yang terkenal. Malah, sebahagian darinya di lihat lebih agresif dari lelaki dari segi fikiran, perasaan dan tindakan [Faridah, 2000]. Melalui pemerhatian penulis yang terlibat secara langsung dengan Projek Khidmat Komuniti dan Pendidikan di Sekolah Rendah Musa-Asiah [SERPAMA], di Svay Khleang, Srok Krauch Chmar, Provinsi Kompong Cham, Kemboja yang merupakan projek usahasama antara Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia dan SERPAMA bersama komuniti setempat pada 30 Oktober 2016 sehingga 4 November 2016 sebelum ini, secara amnya mendapati pendidikan Komuniti Melayu Cam ketika ini di tahap yang rendah dan sangat perlu dibantu bagi meningkatkan taraf pendidikan mereka. Kadar buta huruf yang tinggi adalah antara faktor utama kumpulan yang miskin ini tidak dapat menyerap arus pembangunan negara yang sedang membangun.

3.0 KONSEP KEUSAHAWANAN MANDIRI

Perkataan keusahawanan dalam bahasa Inggeris iaitu *entrepreneur*, berasal daripada bahasa Perancis, *enterprendre* yang bermaksud perantara atau pengambil [Kuehl & Lambing, 2000, Richard Cantillon, 2010 / 1755]. Menurut kamus dewan [1996], usaha ialah daya upaya termasuk ikhtiar, kegiatan, perbuatan dan lain-lain hal untuk melaksanakan atau menyempurnakan sesuatu pekerjaan.

Keusahawanan didefinisikan sebagai satu proses pewujudan dan pengembangan perniagaan secara berterusan yang menyumbang kepada proses pembangunan ekonomi sesebuah negara. Menurut Stevenson, Roberts & Grousbeck [1989], keusahawanan ditakrifkan sebagai kesediaan individu untuk merebut peluang tanpa mengambil kira sumber semasa yang ada dalam kawalannya. Kirzner [1979] mendefinisikan usahawan sebagai individu yang sentiasa berwaspada ke atas peluang-peluang perniagaan yang tidak disedari oleh orang lain. Juhary dan Ishak [2001] mengatakan usahawan ialah seseorang yang membentuk dan menghasilkan sesuatu daripada keadaan yang tidak wujud. Dengan kata lain, usahawan merupakan seorang individu yang kreatif. Jelasnya, usahawan akan mengambil tindakan secara imaginatif, kreatif, dan inovatif. Ini selari dengan pandangan Mohd Zain [2014] merumuskan keusahawanan sebagai suatu proses dalam mencipta, melaksana dan mengembangkan sesuatu perniagaan atau perusahaan baharu berasaskan daya kreativiti dan inovasi, termasuklah aspek ciri-ciri personaliti dan budaya kerja yang memberi nilai tambah terhadap diri dan masyarakat.

Kewujudan usahawan bukanlah satu fenomena baru kerana ianya telah lama muncul, tetapi konsep dan pelaksanaannya pada masa lalu dan sekarang adalah berbeza dari segi penciptaan dan penerokaannya. Sesungguhnya keusahawanan merupakan kebolehan untuk menghasilkan dan membina sesuatu daripada sesuatu yang tiada. Ianya adalah memulakan, melakukan, mencapai dan membina perusahaan ataupun organisasi daripada hanya melihat, menganalisis atau menerangkan. Peluang dicari serta memerlukan kebolehan membina pasukan untuk

melengkapkan kemahiran dan bakat. Justeru, keusahawanan adalah kesanggupan untuk berhadapan dengan risiko dan bersedia melakukan segalanya bagi mendapatkan sesuatu keuntungan. [Jeffrey Timmons, 1989, Kuratko & Hodgetts [1992] & Dollinger,1995]. Selain itu, Arthur W Lewis [2003] berpendapat bahawa pertumbuhan ekonomi akan lambat melainkan sekiranya terdapat bekalan idea-idea baru pengusaha yang sanggup mengambil risiko. Kajian yang dilakukan di Amerika Syarikat menunjukkan hubungan yang positif antara pembangunan ekonomi dan keusahawanan.

Bidang keusahawanan adalah penting dalam dunia hari ini. Ia menjadi pemangkin kepada perubahan dan perkembangan ekonomi negara. Ini selari dengan pendapat oleh Vinten et al. [2004]; Aini Hayati et al. [2005] yang menyatakan bidang keusahawanan penting dalam membangunkan ekonomi sesebuah negara. Sesungguhnya tidak dapat dinafikan bahawa bidang keusahawanan telah menarik minat pelbagai negara pada masa kini berikutan sumbangan besar kepada individu, masyarakat dan pihak kerajaan [Kirby 2004; Luthje & Franke 2002; Mohd Salleh et.al 2005]. Malah menurut kajian yang dilakukan oleh Khairul Azha [2003], bidang usahawanan merupakan tunjang kepada pembangunan ekonomi negara dimasa akan datang.

Sementara istilah kemandirian atau mandiri pula adalah suatu konsep yang sering dihubungkan dengan pembangunan. Dalam konsep ini program-program pembangunan dirancang secara sistematis agar individu maupun masyarakat menjadi subjek dari pembangunan. Walaupun kemandirian sebagai filosofi pembangunan, juga dianut oleh negara-negara yang telah maju secara ekonomi, tetapi konsep ini lebih banyak dihubungkan dengan pembangunan yang dilaksanakan oleh negara-negara yang sedang berkembang [Ismawan, 2003].

Konsep kemandirian menjadi faktor sangat penting dalam pembangunan. M Mukeri [2012] di dalam jurnal kajiannya yang bertajuk *Kemandirian Ekonomi Solusi Kemajuan Bangsa*, menjelaskan bahawa konsep kemandirian menjadi faktor sangat penting dalam pembangunan. Jelasnya, kemandirian adalah satu sikap yang mengutamakan kemampuan diri sendiri dalam mengatasi pelbagai masalah demi mencapai satu tujuan, tanpa menutup diri terhadap pelbagai kemungkinan kerjasama yang saling menguntungkan.

Sebagai rumusannya, keusahawanan boleh difahami sebagai pemikiran seseorang yang terbuka untuk melakukan atau membangunkan sesuatu perkara atas daya usahanya sendiri samada perniagaan mahupun perkara lain dengan kesanggupan menerima risiko terhadap apa yang diusahakannya. Manakala kegiatan keusahawanan mandiri adalah satu proses memupuk dan melahirkan kecenderungan individu dengan budaya perniagaan tanpa bergantung harap kepada orang lain. Dalam konteks kajian ini, keusahawanan mandiri adalah merujuk kepada kegiatan dalam kalangan wanita Islam Svay Khleang, Kemboja yang melibatkan diri dalam apa jua bidang perniagaan dan menggunakan kreativiti mereka dalam mengurus serta menjayakan perniagaan tersebut.

4.0 PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN

Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan di luar negara berkaitan pendidikan keusahawanan. Antaranya seperti Garavan & Cinneide [1994], Gorman et al. [1996], Dana [2001]

Robertson & Collins [2003], Jones & English [2004], Klapper [2004], Hytti dan O’Gorman [2004], Gurol & Atsan [2006], Heinonen & Poikkijoki [2006], Domke-Damonte & Faultstich [2008]. Hasil kajian literatur mereka ini mendapati pendidikan keusahawanan dapat membentuk sikap dan memberikan pengetahuan serta kemahiran.

Pendekatan pendidikan keusahawanan berbeza berbanding pembangunan ekonomi tradisional yang menekankan kepada agenda mewujudkan peluang pekerjaan. Sebagai alternatif, pendidikan keusahawanan berfungsi memberikan inspirasi kepada individu untuk memulakan perniagaan mahupun mengembangkan perniagaan melalui peluang-peluang yang disediakan. Aktiviti pendidikan keusahawanan sepatutnya bukan sahaja tertumpu kepada usahawan, malahan agenda pembentukan budaya keusahawanan turut dibentuk dalam kalangan semua lapisan masyarakat.

Di peringkat antarabangsa, pendidikan keusahawanan menunjukkan impak yang positif. Sebagai contoh di Amerika Syarikat, bilangan institusi yang menyediakan pendidikan keusahawanan meningkat daripada sekitar 20 buah kepada 500 buah institusi dalam tempoh 20 tahun [Kuratko & Hodgetts 2004]. Menurut Kourilsky [1998], golongan muda di Amerika Syarikat mempunyai keinginan untuk memulakan perniagaan sendiri berbanding mencari peluang pekerjaan dengan organisasi. Malah bancian yang dijalankan di beberapa negara menunjukkan pendidikan keusahawanan telah berjaya menggalakkan lepasan siswazah untuk memulakan perniagaan sendiri [Luthje dan Franke 2002].

Selain itu, perkembangan pendidikan keusahawanan juga dapat dilihat dalam penerbitan jurnal berwasit dan juga penyelidikan keusahawanan [Chandler & Lyon, 2001]. Menurut kajian yang dijalankan oleh Fried [2003], terdapat 25 jurnal berwasit yang menerbitkan artikel tentang keusahawanan di peringkat antarabangsa dan terdapat 19 penerbitan yang menyiarkan 472 artikel keusahawanan [Shane 1997]. Ini menunjukkan bahawa keusahawanan telah menjadi semakin penting dan semakin menjadi fokus kajian [Shane 1997; Fried 2003]. Peningkatan ini disebabkan oleh kesedaran terhadap sumbangan pendidikan keusahawanan sebagai penjana dan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi di samping peranan media massa memaparkan imej positif usahawan yang berjaya dan menjadikan usahawan sebagai model peranan dalam pemilihan kerjaya [Cheng Ming Yu & Cheryl Chan 2003; Baron & Shane 2005; Hisrich et al. 2005].

Pada sekitar tahun 1990-an dan 2000-an, kajian penyelidikan berkaitan usahawan wanita semakin mendapat perhatian para penyelidik. Tumpuan terhadap penyelidikan ini lebih banyak menjerus kepada faktor pendorong wanita menceburi bidang keusahawanan [Muriel & Don, 2001; Still & Timms, 2003; Gerry et.al., 2005], faktor yang mempengaruhi kejayaan [Teo, 1996; Zimmer & Sacrborough, 1998; Suaibah et.al., 2005], masalah yang dihadapi [Jones, 1990; Lang & Sieh, 1994; Mohamad, 1996], penggunaan IT dalam perniagaan [Garca et.al., 1998; Nelson et.al., 2005], personaliti usahawan [Hannu, 2000], konflik kerjaya dan keluarga [arasuraman & Simmers, 2001], strategi pembangunan [Gundry & Welsch, 2001], halangan kejayaan [Clare, 2005] dan lain-lain.

Rahinah Saidin [2007] dalam kajiannya mendapati ilmu keusahawanan sangat penting bagi sesiapa yang ingin mendalami bidang keusahawanan. Dengan mempelajari ilmu keusahawanan, seseorang itu dapat menambahkan kefahaman dan keyakinan terhadap bidang keusahawanan.

Selain itu, menurut Badrul Hisham [1995] menyatakan pengetahuan dalam bidang keusahawanan sangat penting kepada seseorang serta dapat memberi kesan kepada kejayaan dalam sesebuah perniagaan yang dijalankan. Jelasnya, pendidikan keusahawanan adalah proses sepanjang hidup. Ini membuktikan pentingnya pendidikan keusahawanan dan penerapan ilmu dalam diri seseorang ke arah merealisasikan wawasan melahirkan usahawan yang berdaya maju.

5.0 KE ARAH MEMBINA BUDAYA KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN WANITA ISLAM SVAY KHLEANG, KEMBOJA.

Pertumbuhan ekonomi yang pesat bagi sesebuah negara bukan semata-mata kerana sumbangan gergasi sektor korporat semata-mata, tetapi juga digerakkan oleh usahawan sektor kecil dan sederhana. Perkembangan ini membuktikan bahawa jika kita mahukan ekonomi yang mempunyai daya tahan dan terus mapan, maka aspek keusahawanan mandiri juga turut berperanan sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi masyarakat dan negara.

Melalui pemerhatian pengkaji, Kemboja merupakan antara negara yang telah dianugerahkan dengan struktur muka bumi yang subur dengan pelbagai hasil bumi yang sangat berpotensi untuk dimajukan. Persoalannya adalah bagaimana budaya keusahawanan dapat dibentuk dalam kehidupan seharian masyarakat khususnya masyarakat yang sederhana atau lemah ekonominya seperti masyarakat muslim *Svay Khleang*, di Kemboja. Bagi meneruskan agenda membangunkan budaya keusahawanan mandiri dalam kalangan wanita Islam *Svay Khleang, Kemboja*, pengkaji ingin mengemukakan beberapa cadangan berdasarkan pemerhatian awal iaitu;

1. Pendidikan keusahawanan dalam kalangan masyarakat Islam Kemboja amnya dan wanita Islam khasnya perlu dimulakan di pelbagai peringkat lapisan masyarakat, khususnya sejak peringkat kanak-kanak di sekolah lagi. Pendidikan agama dan pendidikan akademik harus dibangunkan secara bersepadu agar masyarakat Islam Kemboja tidak lagi jauh ketinggalan dalam dunia pendidikan. Usaha pembangunan pendidikan keusahawanan perlu dijadikan sebagai antara agenda penting dan usaha yang serius melalui institusi pendidikan. Bidang keusahawanan sewajarnya diberi penekanan dalam pendidikan akademik dan berperanan dalam membentuk budaya keusahawanan dalam kalangan masyarakat ke arah menjana pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara, sebagaimana yang telah dilakukan kini dalam kurikulum pendidikan di negara-negara lain seperti di Malaysia.
2. Memandangkan tidak ramai yang berjaya melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi maka untuk mengukuhkan lagi taraf ekonomi mereka, pendidikan secara latihan teknik dan kemahiran merupakan alternatif yang terbaik. Melalui latihan teknik dan vokasional, wanita Islam Kemboja perlu diberi latihan secara praktikal dan seterusnya dapat diaplikasikan dalam dunia perniagaan mereka. Seterusnya mereka akan berpeluang untuk menceburkan diri dalam sesuatu bidang secara langsung dan tidak langsung dengan berasaskan pengetahuan dan kemahiran agar dapat bersaing dengan masyarakat lain yang lebih maju.

3. Pihak pemerintah sewajarnya menyediakan saluran dana atau bantuan perniagaan kepada individu yang berminat menceburi bidang perniagaan seperti skim latihan, bantuan modal, bantuan pemasaran dan promosi. Justeru wanita Islam Kemboja boleh meluaskan bidang keusahawanan mandiri mereka terutamanya dalam industri makanan dan kraf tangan seperti pembekalan makanan ringan dan cenderamata ketika negara menganjurkan persidangan, majlis sukan, mesyuarat dan pelbagai carnival lain yang melibatkan ramai peserta dari dalam atau luar negeri.
4. Memandangkan dapatan awal kajian menunjukkan elemen pengetahuan dan pendidikan dalam kalangan wanita Islam Svay Khleang, Kemboja berada pada tahap yang sangat rendah, justeru keperluan pendidikan amat perlu diutamakan. Usahawan wanita Islam Kemboja perlu berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam bidang perniagaan agar mereka berupaya menguruskan bidang keusahawanan mereka dengan lebih baik, membina jaringan untuk bertukar-tukar pendapat. Ini boleh dilakukan dengan mengikuti kursus-kursus secara formal yang ditawarkan di institusi-institusi latihan kerajaan dan swasta atau pun secara tidak formal dengan menghadiri seminar, ceramah dan konvensyen keusahawanan yang dianjurkan oleh pihak-pihak yang berkaitan. Mereka juga perlu peka dan sentiasa mengikuti perkembangan semasa. Ini boleh didapati melalui peningkatan pengetahuan mereka tentang peluang-peluang perniagaan yang wujud di sekeliling mereka. Justeru, pihak berkuasa perlu menyediakan program latihan & bimbingan khusus dalam bidang kemahiran dan keusahawanan mandiri bagi wanita seperti kursus perniagaan, pengurusan organisasi dan kewangan perlu dilaksanakan bagi membolehkan mereka memajukan diri dan merebut peluang yang ada di pasaran global.
5. Mewujudkan persatuan keusahawanan amnya dan dalam kalangan wanita Islam khususnya. Seterusnya melalui persatuan-persatuan ini, program yang berbentuk perkongsian bijak dapat dilaksanakan bertujuan membina hubungan yang lebih erat dalam kalangan anggota dan membolehkan mereka berkongsi dan bertukar-tukar pendapat serta pengalaman sesama mereka. Melalui persatuan juga boleh mengumpulkan ahli yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan hari ini bukanlah sesuatu yang sukar menemui usahawan wanita yang terlibat dalam bidang profesional seperti peguam, akauntan, doktor, arkitek, kaunselor dan sebagainya yang seterusnya dapat berkongsi pengetahuan, pengalaman dan kejayaan mereka.
6. Seterusnya mewujudkan Program Mentor-Mentee dalam kalangan persatuan usahawan agar dapat membantu usahawan yang baru terlibat dengan aktiviti keusahawanan. Melalui program ini, mereka yang telah berjaya dapat memberikan tunjuk ajar secara langsung terutama dalam aspek kemahiran, pengurusan, memahami kehendak dan keperluan pasaran, memahami pasaran yang berpotensi dan pesaing-pesaing yang ada serta pelbagai isu yang berkaitan dengan dunia keusahawanan.
7. Perlunya kolaborasi atau perkongsian kepakaran antara pihak pemerintah, usahawan yg telah berjaya, industri dan NGO dgn masyarakat. Ini memandangkan terdapat

- perbezaan taraf hidup yang amat ketara di antara golongan yang berjaya dengan kebanyakan anggota masyarakat yang masih ketinggalan, terutamanya dalam kalangan masyarakat Islam sendiri.
8. Seterusnya perlu membudayakan inovasi agar hasil ekonomi dapat dibangunkan dengan teknologi, kreativiti dan inovasi termaju. Ini bermakna, semua pihak mesti sentiasa bersaing untuk membangunkan ekonomi berdasarkan idea yang kreatif bagi manfaat bersama.

6.0 KESIMPULAN

Tidak dapat dinafikan, bidang keusahawanan sememangnya penting sebagai pemacu kepada pertumbuhan dan perkembangan ekonomi sesebuah negara. Malah aspek keusahawanan juga akan berupaya membentuk masyarakat yang mandiri, menghapuskan mentaliti menunggu untuk disuap sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada pihak kerajaan semata. Pendidikan keusahawanan secara formal berperanan penting dalam pembangunan modal insan intelek negara yang mempunyai pengetahuan dan keupayaan yang tinggi dalam kemahiran keusahawanan. Sekiranya matlamat untuk mewujudkan ramai usahawan yang berjaya maka pihak tertentu perlu terlebih dahulu meningkatkan taraf pendidikan keusahawanan.

Keusahawanan dan inovasi adalah dua perkara penting yang saling kait mengait antara satu sama lain dalam memacu pertumbuhan ekonomi dan transformasi negara. Negara majumeletakkan keusahawanan dan inovasi sebagai prasyarat penting untuk pertumbuhan yang lestari. Ia sebenarnya bukan satu usaha yang mudah tetapi ia tidak mustahil dijayakan jika kita mempunyai iltizam dan kesungguhan yang tinggi. Malah banyak kajian telah mengesahkan pendidikan keusahawanan dapat membantu menggalakkan budaya keusahawanan dan inovatif dengan mengubah pemikiran serta menyediakan kemahiran kepada golongan sasaran. Merealisasikan hal tersebut, anggota masyarakat perlu dilatih dan dibekalkan dengan sumber pendidikan secara bersistematik dan bersepadu dalam pelbagai bentuk dan program yang bersesuaian dengan latarbelakang masyarakat demi survival kehidupan mereka.

Berdasarkan dapatan awal kajian yang diperolehi, dapat dirumuskan bahawa hampir keseluruhan wanita Islam Svay Khleang, Kemboja tidak mempunyai kelulusan akademik yang tinggi. Hanya sebilangan kecil sahaja sekadar pendidikan di peringkat rendah atau agama. Sehubungan dengan perkembangan dan perubahan ekonomi masa kini yang begitu drastik dalam strategi perniagaan dan pemasaran, justeru memerlukan wanita Islam Svay Khleang, Kemboja agar bangkit mempersiapkan dan memperkasakan diri mereka supaya duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan usahawan lain. Perkembangan ekonomi menerusi k-ekonomi, perniagaan elektronik, pemasaran elektronik adalah merupakan contoh pembaharuan yang perlu diketahui dan dipelajari oleh usahawan kini.

Meskipun wanita Islam Svay Khleang, Kemboja agak jauh ketinggalan, namun untuk menjadi usahawan yang berjaya bukanlah sesuatu yang tidak boleh dicapai. Menurut Sodri dan Admad Shafee [2002] antara persediaan yang diperlukan oleh seseorang untuk menempuh segala cabaran dan masalah sebagai usahawan ialah pengetahuan asas dalam perniagaan dan kemahiran teknikal dalam bidang yang diceburi. Justeru, pendidikan keusahawanan sangat wajar diutamakan bagi memastikan bidang keusahawanan mandiri yang telah sekian lama diusahakan dalam kalangan wanita Islam di Svay Khleang, Kemboja berupaya mengorak langkah ke arah yang lebih baik dan seterusnya berupaya berdaya saing dengan masyarakat lain;

Sebagai rumusannya, satu pendekatan yang lebih komprehensif perlu dirangka bagi membantu dan memantau aktiviti keusahawanan mandiri dalam kalangan wanita Islam Svay Khleang, Kemboja. Berdasarkan dapatan awal kajian mendapati bahawa penglibatan wanita Islam Svay Khleang, Kemboja dalam bidang keusahawanan mandiri adalah tinggi. Namun ianya hanya terbatas kepada perniagaan secara kecil-kecilan yang diwarisi secara tradisi untuk menyara kehidupan keluarga atau pun sebagai pendapatan sampingan untuk meningkatkan taraf hidup.

7.0 RUJUKAN

- Adi Taha dan Po Dharma, [1998]. *Busana Campa: Rumpun Melayu di Vietnam*. Kuala Lumpur: Jabatan Muzium dan Antikuiti dan EFEO.
- Aini Hayati Mohammed, et.al [2006]. *Pengajian perniagaan 2*, Pearson Longman.
- Badrul Hisham, [1995]. *Pengaruh Pendidikan Formal dan Tidak Formal terhadap Prestasi Usahawan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Baron, R.A. & Shane, S.A. [2005]. *Entrepreneurship: A Process Perspective*. Canada: Thomson South Western.
- Chandler, G. N., & Lyon, D. W. [2001]. *Issues of research design and construct measurement in entrepreneurship research: The past decade*. *Entrepreneurship Theory and Practice*, 26(4): 101–113.
- Cheng Ming Yu & Cheryl Chan. [2003]. *Entrepreneurship Education in Malaysia*. Cyberjaya: Multimedia University.
- Cantillon, Richard [2010][1755]. *An Essay on Economic Theory*. Auburn, Alabama: Ludwig Von Mises Institute. ISBN 0-415 – 07577 -7.
- Dana, L. [2001]. The Education and Training of Entrepreneurs in Asia. *Education & Training*. 43(8/9): 405-416.
- Dollinger, M. J. [1995]. *Entrepreneurship: Strategies and Resources*. Irwin, Boston, MA. David A. Kirby. [2004] *Entrepreneurship Education: Can Business Schools Meet the Challenge?*. Emerald Group Publishing Limited.

- Domke-Damonte D, Faultstich JA [2008]. *Entrepreneurial orientation in a situational context: Comparisons between Germany and the United States*. *Journal of Business Strategies* 25[1]: 15–30.
- Fried, V.H. [2003]. *Defining a Forum for Entrepreneurship Scholars*. *Journal of Business Venturing*.18[1]: 1-11.
- Garavan, T.N. & Cinneide, B.O. [1994]. *Entrepreneurship Education and Training Programmes: A Review and Evaluation – Part 1*. *Journal of European Industrial and Training*. 18[8]: 3-13.
- Gorman, G., Hanlon, D. & King, W. [1996]. *Some Research Perspectives on Entrepreneurship Education, Enterprise Education and Education for Small Business Management: A Ten-year Literature Review*. *International Small Business Journal*. 15[3]: 56-77.
- Gürol, Yonca & Atsan, Nuray. [2006]. *Entrepreneurial Characteristic among University Students: Some Insights for Entrepreneurship Education and Training in Turkey*. *Education + Training*. 48 (1): 25 – 38.
- Hisrich, R. D., Peters, M. P., & Shepherd, D. A. [2005]. *Entrepreneurship* (6th ed.). New York: McGraw-Hill/Irwin.
- Hisrich, R. D O’Cinneide, B [1986]. *The Irish Entrepreneur: Characteristics, Problems and Future Success*. In R. Rostadts, J.A Hornaday, R. Peterson, K.H. Vesper, Eds. *Frontiers of Entrepreneurship Research*, 1986 p. 66-81.
- Hisrich, R. D and Peters, M.P. [1995]. *Entrepreneurship: Starting, Developing and Managing a New Enterprise*. Edisi Ketiga. Amerika Syarikat: Richard D. Irwin Inc.
- Hytti, Ulla & O’Gorman, Colm. [2004]. *What is Enterprise Education? An Analysis of the Objectives and Methods of Enterprise Education Programmes in Four European Countries*. *Education + Training*. 46(1): 11-23.
- Ismawan, Bambang, [2003]. *Kemandirian, Suatu Refleksi*, Artikel - Th. II - No. 3, Mei 2003.
- Jamil Osman & Nik Asri Ali [2005]. *Pembangunan Ekonomi Masyarakat Cam di Kemboja*, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and strategic Studies*, 32. PP 1-23. ISSN 2180 – 0251. Bangi: UKM.
- Jones, Colin & English, Jack. [2004]. *A Contemporary Approach to Entrepreneurship Education*. *Education + Training*. 46(8/9): 416-423.
- Jarna Heinonen & Sari-Anne Poikkijoki.[2006]. *An Entrepreneurial –directed Approach to Entrepreneurship Education: mission Impossible?*, *Journal of Management Development*, Vol 25, Issue:1. PP 80-94.
- Kamus Dewan [1996]. Edisi ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Kingdom of Cambodia, *National Poverty Reduction Strategy 2003-2005*, Council for Social Development.
- Kirzner, I.M [1979]. *Procedur, Enterprenuer and the Right to Property: In Perception, Opportunity, and Profit*. Chicago: University of Chicago Press.
- Kourilsky, M. L. & Walstad, W. B. [1998]. *Entrepreneurship And Female Youth: Knowledge, Attitudes, Gender Differences, And Educational Practices*. *Journal of Business Venturing*. 13, 77–88.

- Kuratko Donald F. & Hodgetts Richard M. [1992]. *Entrepreneurship: a Contemporary Approach*. 6th ed.) The Dryden Press: A Harcourt Brase Jovanovich College Publisher.
- Kuratko, D.F. & Hodgetts, R.M. [2004]. *Entrepreneurship: Theory, Process and Practice*. 6th Edition. Ohio: South Western.
- Lewis, William Arthur [2003]. *The Theory of Economic Growth*. London: Taylor and Francis, 453 pages.
- Luthje, C., & Franke, N., [2002], "Fostering entrepreneurship through university education and training: Lessons from Massachusetts Institute of Technology", paper presented in the 2nd Annual Conference on innovative Research in Management, European Academy of Management. M Mukeri. [2012]. *Jurnal Majalah Ilmiah, Universitas Pandanaran*. Vol 10, No 24.
- Mohamad Zin Musa. [1991] *Kehadiran Orang Melayu dan Orang Cam di Kemboja hingga Awal Abad ke XIX*. Jebat [No. 19, PP 3 – 13]. Bangi: UKM.
- Mohamad Zin Musa. [2001]. "Masyarakat Cam Selepas Suku Abad Di Malaysia: Tumpuan di Negeri Kelantan". *Kolokium Peradaban Melayu Kawasan Timur Laut*, anjuran DBP Wilayah Timur di Kota Bharu Kelantan pada 18 – 20 Sept 2001.
- Mohd Salleh Hj Din, et.al [2005], *Asas Keusahawanan*, Thomson Learning, Kuala Lumpur.
- Mohd Zain Mubarak. [2014]. *Keusahawanan Islam berasaskan ciri personaliti dan kerohanian di Negeri Kelantan*. Tesis Ph.D. Universiti Malaysia Terengganu.
- Paradi, J.C. & Menzies, T.V. 2006. *Engineering Students and Entrepreneurship Education: Satisfaction, Career Path and Propensity to Venture*. Boston: Brock University.
- Rahinah Saidin. [2007]. *Sikap pelajar STP di Universiti Teknologi Malaysia terhadap bidang keusahawanan*. Tesis Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia.
- Robertson, Martyn & Collins, Amanda. [2003]. *Developing Entrepreneurship in West Yorkshire: West Yorkshire Universities Partnership and Business Start-Up@Leeds Met. Education + Training*. 45(6): 303-307.
- Scott, M.G. and Twomey, D.G. [1988]. *The long-Term Supply of Entrepreneurs; Students Career Aspirations in Relation to Entrepreneurship*. *Journal of Small Business Management*. 26(4), 5-13.
- Shane, S.A. [1997]. *Who is Publishing the Entrepreneurship Research?* *Journal of Management*. 23: 83-95.
- Stevenson, H.H., Roberts, M.J., Grousbeck, H.I. [1989] *Business ventures and the entrepreneur*, Homewood, IL, Richard D Irwin Publishing.
- Timmons, J. A. [1989]. *The Enterpreneurial Mind*. Brick House Pub. Co.
- Vinten, G. & Alcock, S. [2004]. *Entrepreneurship in Education*. *International Journal of Educational Management* 18(3): 188-195.